

*Penggunaan Drama dalam Meningkatkan  
Motivasi Pelajar*

**Siti Fatimah Muhammad**

siti\_fatimah\_muhammad@moe.edu.sg  
Sekolah Menengah Mayflower

*Abstrak*

Meningkatkan motivasi dan menggalakkan para pelajar untuk bertutur dalam Bahasa Melayu merupakan permasalahan yang telah dikenal pasti sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dengan para pelajar di dalam kelas. Oleh itu, kajian tindakan yang dijalankan, bertujuan untuk melihat sama ada drama, khususnya aktiviti lakonan, dapat memberikan kesan yang positif dalam kemahiran bertutur dan meningkatkan motivasi para pelajar. Selain itu, kajian ini juga mengaplikasikan teknik main peran atau *role play* yang terangkum dalam pedagogi drama dalam pendidikan. Selanjutnya, kajian tindakan ini telah dijalankan terhadap seramai sepuluh orang pelajar Menengah 2 Ekspres. Berdasarkan maklum balas yang dijalankan selepas aktiviti lakonan, ternyata drama berkesan dalam meningkatkan motivasi dan menggalakkan para pelajar untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Melalui pengamatan peserta, aktiviti lakonan ini juga menggalakkan pembelajaran terarah sendiri dan pembelajaran kolaboratif dalam kalangan pelajar selain meningkatkan kemahiran lisan pembelajaran Bahasa Melayu.

Kata Kunci: Drama dalam pendidikan, main peran, Bahasa Melayu, lakonan



## PENGENALAN

Profil pelajar yang mengambil Bahasa Melayu pada abad ke-21kian berubah. Jika dahulu, terdapat ramai pelajar yang bertutur dalam Bahasa Melayu di rumah, tetapi kini lebih ramai pula yang bertutur dalam Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris juga menjadi bahasa pilihan apabila mereka bertutur dengan rakan-rakan di sekolah. Hal yang serupa juga berlaku di dalam kelas Bahasa Melayu kerana mereka sudah terbiasa dan di mana akan berlakunya ‘code-switching’. Pelajar perlu diingatkan berkali-kali oleh guru supaya bertutur dalam Bahasa Melayu. Ini ditambah lagi dengan kurangnya pendedahan mereka kepada bahan-bahan bacaan bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, drama didapati sesuai dijadikan sebagai satu aktiviti untuk menggalakkan para pelajar menggunakan bahasa Melayu di dalam kelas. Drama juga boleh dijadikan sebagai wadah untuk meningkatkan keyakinan pelajar berucap di depan khalayak. Maka itu, aktiviti drama bermain peran atau *role play* telah dipilih sebagai aktiviti yang akan dijalankan bagi kajian ini.

Kamus dalam talian, Collins telah mendefinisikan *role play* atau main peran sebagai “*the act of imitating the role of a different person, for example as a training exercise or in language learning*” (Collins English Dictionary, 2015). Ini boleh diterjemahkan sebagai perbuatan meniru watak orang lain, contohnya untuk tujuan latihan amali atau pembelajaran bahasa.

Farmer (2010) pula, dalam lelucon sesawangnya, *Drama Responce*, memberikan definisi yang lebih tuntas bagi *role play* daripada perspektif drama:

*“Role play is the basis of all dramatic activity. The ability to suspend disbelief by stepping into another character’s shoes comes quite naturally to most children. Through the structure of the drama lesson this can be used to great effect, challenging children to develop a more sensitive understanding of a variety of viewpoints whilst sharpening their language and movement skills. By adopting a role, children can step into the past or future and travel to any location, dealing with issues on moral*



*and intellectual levels. Thus role play can be easily utilised to illuminate themes across the curriculum.”*

Beliau mengatakan bahawa main peran merupakan asas bagi semua aktiviti drama. Kebolehan untuk menghilangkan ketidakpercayaan dengan memasuki watak seseorang datang secara semula jadi kepada semua kanak-kanak. Melalui struktur pengajaran drama, main peran boleh digunakan dengan berkesan, mencabar kanak-kanak untuk menjadi lebih sensitif kepada pandangan yang pelbagai sambil menajamkan kemahiran berbahasa dan pergerakan mereka. Dengan memegang sesuatu watak, kanak-kanak boleh kembali pada masa lampau atau masa hadapan dan menuju ke mana-mana lokasi, berdepan dengan isu-isu moral dan tahap intelektual. Maka itu, main peran boleh digunakan untuk menjelaskan pelbagai tema merentasi kurikulum.

Tatar (2002) dalam artikelnya, *Dramatic Activities in Language Arts Classroom*, mengatakan bahawa drama dalam pendidikan ialah bidang tugas yang merangkumi semua jenis drama yang diimprovisasi atau yang tidak formal yang digunakan dalam kelas. Dalam erti kata lain, tujuan drama dalam pendidikan bukanlah untuk menghasilkan sebuah persembahan teater untuk tontonan umum tetapi untuk menyumbang kepada perkembangan keperibadian dan membantu para pelajar dalam pembelajaran mereka.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Para pelajar didapati sukar bertutur dalam bahasa Melayu dan sering menyelitkan perkataan Inggeris apabila bertutur. Mereka juga sering kurang yakin apabila disuruh membuat pembentangan dalam bahasa Melayu di hadapan khalayak. Maka itulah, isu tentang kepayahan pelajar bertutur dalam bahasa Melayu ini ingin dikaji dengan lebih lanjut dan selepas membuat sorotan kajian, aktiviti drama dirasakan paling sesuai dijalankan untuk menggalak penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.



## TUJUAN KAJIAN

Kajian tindakan ini dijalankan untuk:

1. melihat keberkesanan aktiviti drama khususnya bermain peran dalam kelas dapat meningkatkan motivasi dan menggalakkan para pelajar untuk bertutur dalam bahasa Melayu; dan
2. mendapatkan maklum balas praaktiviti dan pascaaktiviti daripada para pelajar yang menjalani aktiviti main peran ini.

## KAJIAN LEPAS

Lin Shen (2011) telah menjalankan sebuah kajian yang menggabungkan pembelajaran dalam talian dengan aktiviti bermain peran bagi 130 orang pelajar dalam kumpulan eksperimental dan 130 orang pelajar bagi kumpulan kawalan. Beliau mendapati kumpulan eksperimental yang menjalani aktiviti dalam talian dan main peran menunjukkan peningkatan markah yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan yang hanya menghafal dan melatih tubi dialog dalam talian secara sendirian tanpa berinteraksi dengan rakan-rakan sekelas.

Islam (2012) mendapati bahawa aktiviti main peran yang dijalankan ke atas 120 orang murid yang mengikuti kelas bahasa Inggeris di Universiti Stamford, Bangladesh, dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua. Markah yang mereka perolehi selepas 4 sesi aktiviti main peran menunjukkan peningkatan yang beransur-ansur. Maklum balas yang dikumpulkan juga menyatakan bahawa pelajar kini lebih yakin untuk berucap di depan umum dan membuat pembentangan dalam bahasa Inggeris setelah menjalani beberapa sesi aktiviti main peran bersama rakan-rakan yang lain.

Lajooee (2013) menjalankan aktiviti main peran untuk mengajarkan kosa kata kepada 75 orang pelajar wanita di Hegmanteh *English Institute* di Tehran yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Tiga puluh tujuh orang pelajar yang dikelompokkan dalam kumpulan eksperimental mendapati bahawa mengambil bahagian dalam aktiviti main peran menunjukkan



peningkatan markah yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan yang hanya menjalani teknik penghafalan dalam sebuah pasca ujian yang dijalankan. Mereka juga dapat meningkatkan lagi kemahiran sosial selain daripada meningkatkan kemahiran lisan dan kosa kata terutama sekali dalam kalangan pelajar yang pendiam dan pemalu.

Sebagai kesimpulan, bermain peran bukan sahaja dapat meningkatkan motivasi dan menggalakkan kemahiran berbahasa, tetapi proses ini juga menggalakkan para pelajar supaya berinteraksi dengan pelajar lain dan memberi peluang untuk mereka belajar kemahiran bahasa dalam situasi yang lebih autentik.

## KAEDAH KAJIAN

Langkah pertama bagi kajian tindakan ini bermula dengan mengedarkan borang maklum balas praaktiviti untuk mendapatkan persepsi mereka tentang aktiviti drama. Langkah kedua adalah dengan membahagikan para pelajar kepada dua buah kumpulan. Setiap kumpulan mendapat skrip yang sama supaya dapat dilihat kerjasama antara kedua buah kumpulan. Skrip untuk aktiviti main peran atau lakonan ini pula telah disediakan oleh guru untuk memastikan setiap pelajar dapat memegang satu watak (sila lihat Lampiran D). Ini diikuti pula dengan sesi membaca skrip.

Setelah sesi membaca skrip, guru telah membimbing pelajar berbincang tentang tema dan persoalan yang diutarakan dalam skrip secara ringkas. Ini disusuli dengan perbincangan tentang kostum, latar dan latihan berlakon dan akhirnya kepada sesi lakonan yang sebenar dalam kelas. Setiap pelajar memegang watak masing-masing dan terlibat secara langsung dalam sketsa yang dijalankan dalam kelas. Satu set skema pemarkahan yang ringkas telah disediakan oleh guru supaya guru dan pelajar boleh menilai lakonan kumpulan lain. Semasa bermain peran, mereka telah merakamnya menggunakan alat perakam video. Guru telah memuatnaikkan rakaman video tersebut ke dalam *Windows Moviemaker* lalu menunjukkan video lakonan kedua-dua buah kumpulan itu di dalam kelas. Selain itu, borang maklum balas pascaaktiviti telah diedarkan untuk meneliti respons mereka selepas aktiviti main peran dijalankan. Guru mengumumkan kumpulan yang berjaya meraih markah yang tertinggi.



### Subjek Kajian

Kelas menengah 2 Ekspres dipilih sebagai sampel kajian kerana kelas itu merupakan kelas yang diajarkan oleh guru. Kelas ini terdiri daripada 8 orang pelajar perempuan dan 2 orang pelajar lelaki dan profil mereka agak rencam. Mereka terbahagi kepada kumpulan berkeupayaan tinggi (*high ability*, HA), berkeupayaan sederhana (*middle ability*, MA) dan berkeupayaan rendah (*low-ability*, LA). Guru telah memastikan kedua-dua buah kumpulan mempunyai anggota yang terdiri daripada ketiga-tiga golongan keupayaan iaitu HA, MA dan LA supaya pembahagiannya sama rata.

Selain daripada keupayaan, perwatakan mereka juga rencam. Ada dalam kalangan mereka yang petah bercakap dan suka berjenaka lantas menghiburkan seluruh kelas dengan telatah mereka. Namun ada juga yang pendiam dan hanya akan bersuara jika guru mengajukan soalan atau menyuruh mereka membaca secara lantang.

### Instrumen Kajian

Data yang dikumpulkan merupakan hasil pemerhatian yang dijalankan oleh guru dan maklum balas yang diberikan oleh pelajar. Penelitian yang dijalankan hanya meninjau maklum balas para pelajar sebelum dan selepas aktiviti drama dijalankan. Pengamatan yang dilakukan pengkaji adalah berdasarkan interaksi dalam kalangan sampel kajian. Kajian tindakan ini telah dijalankan selama dua minggu berturut-turut daripada langkah pertama hinggalah ke langkah terakhir. Akhir sekali, kajian ini juga bukan berbentuk eksperimental kerana tidak mempunyai kumpulan kawalan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Sebelum menjalankan aktiviti main peran, satu set borang maklum balas yang ringkas telah diedarkan untuk mendapatkan persepsi pelajar tentang aktiviti lakonan tersebut dan berikut merupakan hasil tinjauan tersebut:



Jadual 1: Maklum Balas Praaktiviti

No	Maklum Balas	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
1	Saya minat berlakon dan ingin cuba untuk berlakon dalam kelas.	10%	0%	50%	40%
2	Saya rasa aktiviti lakonan akan meningkatkan kemahiran lisan saya.	10%	30%	30%	30%
3	Saya rasa aktiviti lakonan dalam kelas menarik dan bermanfaat kepada saya.	20%	0%	40%	40%
4	Aktiviti lakonan akan membina keyakinan diri saya.	20%	30%	10%	40%
5	Saya ingin berlakon bersama rakan-rakan saya.	10%	0%	60%	30%
6	<p>Pendapat dan persepsi saya tentang aktiviti lakonan dalam kelas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak menarik</li> <li>• Tidak setuju</li> <li>• Walaupun ada banyak manfaat, saya masih tidak ada minat dalam lakonan.</li> <li>• Ia adalah sesuatu yang bagus untuk keyakinan diri kita</li> <li>• Ia akan memberi saya keyakinan</li> <li>• Aktiviti ini boleh menaikkan keyakinan diri saya.</li> </ul>				

Jadual 1 menunjukkan data daripada maklum balas para pelajar bagi praaktiviti. Data daripada item pertama maklum balas ini menunjukkan bahawa 90% daripada pelajar menyatakan bahawa mereka tidak minat berlakon dan tidak mahu cuba berlakon dalam kelas. Seterusnya, 60% pula merasakan bahawa aktiviti lakonan tidak akan meningkatkan kemahiran lisan mereka. 80% berpendapat bahawa aktiviti lakonan dalam kelas tidak menarik dan tidak bermanfaat kepada mereka. 50% mengatakan bahawa aktiviti lakonan tidak akan membina keyakinan diri mereka dan 90% mengatakan bahawa mereka tidak ingin berlakon bersama rakan-rakan mereka.

Kesimpulan daripada maklum balas praaktiviti ini adalah bahawa kebanyakan pelajar dalam kelas ini mempunyai persepsi dan sikap yang negatif terhadap aktiviti lakonan ini walaupun mereka belum melakukannya. Apabila ditanya, mereka mengatakan bahawa mereka kurang yakin untuk berlakon dengan rakan-rakan yang lain kerana bimbang mereka akan



ditertawakan atau takut mereka terlupa skrip. Namun ada segelintir yang ingin mencuba aktiviti main peran ini kerana mereka berpendapat bahawa aktiviti ini akan dapat meningkatkan keyakinan diri mereka.

#### Analisis Kuantitatif dan Kualitatif Pascaaktiviti

Selepas aktiviti main peran dijalankan, satu lagi borang maklum balas telah diedarkan untuk mendapatkan pandangan para pelajar sekali lagi. Dapatan daripada borang maklum balas tersebut adalah seperti berikut:


Jadual 2: Maklum Balas Pasca aktiviti

No.	Maklum Balas	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
1	Aktiviti drama yang dijalankan menarik.	50%	50%	0%	0%
2	Saya ingin menjalani aktiviti drama seperti ini sekali lagi.	20%	70%	0%	10%
3	Aktiviti drama yang dijalankan lebih menarik daripada pembelajaran yang biasa dijalankan dalam kelas.	50%	50%	0%	0%
4	Aktiviti drama yang saya jalani ini membantu meningkatkan keyakinan diri saya.	30%	70%	0%	0%
5	Saya amat mengalu-alukan jika pembelajaran bahasa menerapkan aktiviti drama.	30%	60%	10%	0%
6	Saranan untuk menjadikan aktiviti drama ini lebih menarik: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jadikan aktiviti drama ini lebih menarik lagi</li> <li>• Tulis skrip kami sendiri dan melakonkannya</li> <li>• Lebih banyak masa untuk menghafal skrip</li> <li>• Melakukan aktiviti lakonan ini bersama-sama dengan pelajar NA.</li> </ul>				
7	Saya berminat untuk berlakon dalam drama ini jika ia dipentaskan. Ya, saya berminat: 70%      Tidak, saya tidak berminat: 30%				





Rajah 1: Graf Bar Yang Menunjukkan Maklum Balas Pasca Aktiviti



Jika dirujuk pada Rajah 1, 100% atau kesemua 10 orang pelajar mengatakan bahawa mereka sangat setuju atau setuju bahawa aktiviti drama yang dijalankan menarik. Para pelajar juga sebulat suara mengatakan bahawa mereka ingin menjalani aktiviti drama seperti ini sekali lagi dan aktiviti drama yang dijalankan lebih menarik daripada pembelajaran yang biasa dijalankan dalam kelas. Mereka juga mengakui bahawa aktiviti drama yang dijalankan meningkatkan keyakinan diri mereka. Tinjauan seterusnya menunjukkan 9 daripada 10 orang pelajar juga mengalu-alukan pembelajaran bahasa yang menerapkan aktiviti drama.

Walau bagaimanapun ada seorang pelajar yang tidak mahu menjalankan aktiviti ini sekali lagi dan tidak setuju jika pembelajaran bahasa menerapkan aktiviti drama. Pelajar berkenaan tidak menghafal skrip dan tidak membawa



kostum pada hari persembahan diadakan dalam kelas. Semasa aktiviti lakonan, pelajar berkenaan telah menyembunyikan skripnya dalam salah satu props semasa berlakon. Dia juga terpaksa meminjam kostum daripada kumpulan lain. Disebabkan dia tidak menghafal skrip, kumpulannya terpaksa mengulangi beberapa babak dalam lakonan mereka dan merakam berkali-kali. Walau bagaimanapun, dia tidak menunjukkan sikap yang negatif semasa lakonan dan telah bekerjasama untuk menyelesaikan lakonan mereka.

Selain itu, mereka juga telah memberikan beberapa saranan yang agak bernas iaitu pertama, supaya menjadikan aktiviti drama ini lebih menarik lagi. Kedua, mereka juga mahu guru memberi peluang bagi mereka untuk menulis skrip mereka sendiri dan melakonkannya. Ketiga, mereka mahu guru memberikan mereka lebih banyak masa untuk menghafal skrip supaya mereka dapat berlakon dengan lebih baik lagi. Akhir sekali mereka juga ingin melakukan aktiviti lakonan ini bersama-sama dengan pelajar aliran Normal Akademik yang juga mengambil bahasa Melayu aliran Ekspres.

Tujuh daripada 10 orang pelajar berminat untuk berlakon dalam drama ini jika ia dipentaskan. Mereka yang berminat ini juga telah berlakon dengan baik semasa aktiviti main peran ini dijalankan kerana telah menghafal skrip mereka. Mereka juga menunjukkan kesungguhan kerana telah membawa kostum dan props yang diperlukan.

Pengamatan guru dan dapatan kajian telah mengukuhkan lagi pernyataan bahawa aktiviti drama khususnya main peran dapat meningkatkan motivasi dan menggalakkan para pelajar untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Maka itu, objektif kajian telah tercapai.

## **KESIMPULAN**

West (2011) mengatakan bahawa walaupun banyak usaha telah dijalankan berkenaan kemahiran lisan dalam kelas, kemahiran lisan para pelajar semakin merosot. Ini disebabkan pelajar menghabiskan terlalu banyak masa bersendirian- bermain permainan komputer, menonton televisyen atau mendengar lagu. Drama menggalakkan komunikasi dan menyediakan latihan dari segi praktikal. Jika diajarkan dengan betul, aktiviti-aktiviti yang dijalani



oleh pelajar akan membekalkan mereka dengan keyakinan untuk berucap di depan khalayak dan seterusnya keyakinan dalam penulisan.

Walaupun terdapat pembelajaran dalam talian, guru tidak seharusnya mengabaikan pembelajaran secara interaktif yang membolehkan para pelajar berdiskusi dengan pelajar-pelajar lain dalam kelas.

Dari segi pembelajaran terarah sendiri atau *self-directed learning* (SDL) dan pembelajaran kolaboratif atau *collaborative learning* (CoL), West (2011), juga menyatakan bahawa drama ialah sebuah aktiviti berbentuk koperatif. Drama mendidik seorang pelajar yang mencabar untuk memikirkan tentang kesan tindakan mereka kepada pelajar lain. Drama juga mengajar para pelajar untuk menghargai kepentingan menunggu giliran dan mendengar pandangan orang lain. Drama membolehkan pelajar untuk mengembangkan kemahiran asas seperti komunikasi, bekerjasama secara kumpulan dan penyelesaian masalah (*problem solving*).

Daripada pengamatan peserta, SDL wujud dalam aktiviti main peran ini apabila pelajar harus menginterpretasi watak yang dilakonkan itu dan menyediakan kostum yang sesuai dengan watak masing-masing. Mereka juga harus membuat improvisasi apabila mereka terlupa skrip supaya lakonan dapat diteruskan tanpa gangguan.

CoL pula wujud apabila para pelajar harus bekerjasama menjayakan lakonan kumpulan masing-masing. Apabila satu kumpulan sedang berlakon, kumpulan yang lain telah menolong merakamkan video lakonan mereka. Selain itu, beberapa orang pelajar daripada kumpulan masing-masing telah menyiapkan latar visual dan latar muzik bagi lakonan mereka. Semasa berlatih, mereka menolong satu sama lain untuk menghafal dan memperbaiki lakonan masing-masing dengan memberikan komen dan pendapat bagaimana caranya untuk menghayati watak yang dilakonkan dengan lebih mendalam.

Sebagai kesimpulan, pengajaran drama dijalankan dalam kelas untuk menggalakkan para pelajar bertutur dalam Bahasa Melayu. Daripada maklum balas yang dijalankan, pelajar mendapati bahawa daripada aktiviti lakonan yang dijalankan ini, minat mereka untuk mempelajari Bahasa Melayu semakin



meningkat dan menggalakkan mereka menggunakan Bahasa Melayu dalam kelas. Secara tidak langsung, mereka juga mula meminati drama sebagai wadah untuk pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan juga sebagai sebuah seni persembahan. Aktiviti ini sesuai dijadikan sebahagian daripada pengajaran dan pembelajaran dalam kelas kerana tidak memerlukan sebarang kos dan boleh dijalankan pada bila-bila masa, di mana sahaja dan dengan semua peringkat.

Berdasarkan maklum balas pelajar, guru mendapati bahawa hampir kesemua pelajar mengatakan bahawa mereka meminati pembelajaran menggunakan drama ini dan mereka juga mengatakan bahawa memasukkan komponen drama dalam pembelajaran bahasa Melayu menjadikan pembelajaran lebih menarik dan seronok.

Walau bagaimanapun, kajian ini boleh dilanjutkan lagi untuk melibatkan lebih ramai pelajar dan disusuli dengan aktiviti lanjutan seperti membincangkan isu-isu yang terkandung dalam skrip atau dialog yang dilakonkan dengan lebih mendalam.



## RUJUKAN

- Collins English Dictionary (2015). Dipetik pada 31 Mac, 2015.  
Dari <http://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/role-play>
- Conventon John (ed.) 2011. *Drama to Inspire: A London Guide to Excellent Practice in Drama for Young People*. United Kingdom: Trentham Books.
- Elaheh Sadat Lajoodee dan Dr. Shaban Bariani (2013). *Contrastive Study on Learning Vocabulary through Role-play and Memorization among EFL Learners*. Dipetik pada 31 Mac, 2015.  
Dari <http://academians.org/Media/Default/Articles/January2013/Jan2013-1.pdf>
- Farmer Collin (2010). *Drama Resource*. Dipetik pada 31 Mac, 2015.  
Dari <http://dramaresource.com/strategies/role-play>
- Islam Priscilla dan Islam Tazria (2012). *Effectiveness of role play in enhancing the speaking skills of the learners in a large classroom: An investigation of tertiary level students*. Dipetik pada 31 Mac, 2015  
dari <http://www.banglajol.info/index.php/SJE/article/view/14475>
- Shen Lin dan Jitpanat Suwantep (2011). *E-Learning Constructive Role Plays for EFL Learners in China's Tertiary Educaion*. Dipetik pada 31 Mac, 2015 dari [http://asian-efl-journal.com/PTA/January\\_2011\\_Shen.pdf](http://asian-efl-journal.com/PTA/January_2011_Shen.pdf)
- Tatar Sibel (2002). Dramatic Activities in Language Arts Classrooms: Resource Summary. *ERIC Digest*. Dipetik pada 31 Mac, 2015  
dari <http://www.ericdigests.org/2003-3/arts.htm>
- West Keith (2011). *Inspired Drama Teaching A Practical Guide for Teachers*. New York: Continuum International Publishing Group.



Lampiran D

**Skrip Lakonan - Mereka Tidak Mengerti**

<b>Watak</b>	Asmidah – seorang pelajar berusia 14 tahun Asmidah	Razila – rakan
	Puan Normah - Ibu Asmidah Asmidah	Dania – rakan
	Encik Marzuki – Baba Asmidah	
	Auntie penjual telefon bimbit	
	Mak cik kolong blok	
<b>Sinopsis</b>	Asmidah berasa tertekan disebabkan tuntutan daripada ibu bapanya, tuntutan sekolah dan pengaruh daripada rakan-rakan sebaya. Dia juga tidak yakin dengan kebolehan diri sendiri. Dia sering menganggap dirinya lemah dan tidak berguna.	
<b>Babak 1</b>	<b>Ibu dan bapa Asmidah sedang menonton televisyen apabila Asmidah menghampiri mereka dan menyerahkan sekeping kertas...keputusan peperiksaan pertengahan tahunnya.</b>	
Asmidah	Ibu, ayah... ini keputusan peperiksaan pertengahan tahun Asmidah.	
Puan Normah	Ya Allah...merah lagi! Eh Asmidah, dah kenapa dengan kau ni! (Menonjol kepala anaknya) Kau ni belajar ke main-main di sekolah? Matematiks 49%, Sains 47%. Bahasa Melayu 50%, Sejarah 48%, Seni 52%!	
Encik Marzuki	Awak jangan nak salahkan dia. Awak yang tak memantau dia di rumah. Awak biarkan dia main permainan komputer sepanjang hari. Ha! Manjakanlah anak kesayangan awak itu lagi!	
Puan Normah	Eh! Abang jangan nak salahkan saya seorang tau. Awak ingat awak seorang sahaja bekerja? Saya pun bekerja tau! Awak cuma tahu bila pulang sahaja, nasi dan lauk-pauk tersedia di atas meja. Baju awak pula harus digosok rapi. Habis saya? Tak perlu berehat? Eh abang! Saya pun penat lah. Sekali sekala tu tolong lah Asmidah dalam pelajaran dia.	
Encik	Eh Normah, awak apabila saya pulang sahaja, awak berleter, apabila	



Marzuki	saya nak berehat sekejap sahaja, awak mengomel. Tak habis habis cari kesalahan saya. Apa selama ini saya bekerja siang malam untuk keluarga orang lain kah? Kan untuk awak dan anak kita juga. Hujung minggu ada saya keluar dengan kawan-kawan saya? Saya kan berada di rumah.
Puan Normah	Ya memang awak tak berfoya-foya di luar tapi awak hanya menghadap televisyen sahaja! Asyik bola, bola, bola. Itu sahaja yang awak tahu. Kerja rumah, hal anak kita saya yang uruskan semuanya. Ada awak ambil tahu tentang hal kebajikan dia? Atau tanya keadaan dia di sekolah? Jangan haraplah awak nak tanya khabar. Paling tidak awak hanya marah kalau Si Asmidah ni buat bising atau berserakkan biliknya.
Encik Marzuki	Ha Asmidah! Ini semua gara-gara kau gagal dalam peperiksaan. Kalau tidak mak kau tak bising dekat ayah macam ni. Sudah! Hujung minggu ni, kau jangan ke mana-mana, kau duduk di rumah dan buat ulangkaji kau. Kalau kau gagal lagi siap kau ayah kerjakan!
Asmidah	Tapi ayah...
Encik Marzuki	Sudah! tak ada tapi tapi lagi!
<b>Babak 2</b>	<b>Di Sekolah</b> <b>Semasa waktu rehat di kantin, rakan-rakan Asmidah membandingkan telefon bimbit satu sama lain. Asmidah terasa malu kerana telefon bimbitnya adalah model yang lama.</b>
Asmidah	Wahh, Razila, telefon bimbit model baru! Tentu mahal harganya kan!
Razila	Eh, kau ni tahu saja...Ayahku yang belikan, sebab semalamkan hari lahir aku. Lagipun dia belikan sebab keputusan peperiksaan aku cemerlang
Dania	Eh, Asmidah kenapa kau tak tukar telefon bimbit yang baharu! Kita semua dah ada telefon android atau iPhone. Macam ni, kau tak bolehlah ikut sama whatsapp atau main game yang kita semua main sekarang ni. Handphone Nokia kau tu hanya boleh SMS dan buat panggilan. Bangla pun dah tak pakai handphone kau ni. Ha ha ha!



	(Kawan-kawannya mentertawakannya.)
Asmidah	Mak bapak aku ah, mereka cakap telefon bimbit aku masih boleh pakai. Habis bila mereka lihat keputusan aku sahaja, makinlah mereka marah dan aku kena hukum lagi. Aku kena pergi tuisyen tambahan pada hujung minggu pula. Bosanlah.
Razila	Alah tapi hujung minggu ni aku adakan barbeku di East Coast. Kawan-kawan kita yang lain semua akan hadir. Macam ni tak seronoklah kalau kau tak datang! Asmidah...please. Kau kawan baik aku. Kalau kau tak datang nanti apa pulak kata kawan-kawan kita yang lain.
Dania	Ya lah Asmidah. Aku dengar kan Lutfi pun akan hadir. Aku juga dengar yang dia tanya sama ada kau turut hadir! Eeee...rugi tau kalau kau tak datang! (Kawan-kawannya terus memujuk.)

<b>Babak 3</b>	<b>Kedai Telefon Bimbit</b>
Asmidah	Memasuki sebuah kedai yang menjual telefon bimbit dan aksesori telefon bimbit.
Asmidah	Auntie boleh tengok handphone ini?
Auntie	Lu mau tengok apa model? Ini kah?
Asmidah	Ya itu Samsung model baru punya. Berapa auntie?
Auntie	Ini harga mahal woh! Lapan ratus kalau takda contract punya.
Asmidah	Ha! Lapan ratus dolar?!
Auntie	Ya lah habis lu ingat rupiah kah????? Ringit pun takla lapat lu tau! Haiya!
Asmidah	Hmmm...ok takpalah auntie, terima kasih ah.
Auntie	Eh lu tak mau bili kah? Haiya! Lugi lu tau lu takda bili. Lain kedai takda kasi lu offer lu tau!
<b>Babak 4</b>	<b>Kedengaran ibu bapanya bertengkar di dalam bilik.</b>
Puan Normah	Hai bang! Dah lewat malam baru nak balik. Awak ingat rumah kita ni hotel ke?





Encik Marzuki	Hei Normah, aku balik lewat sebab aku bekerja bukannya berfoya-foya dengan perempuan di luar! Faham?!
Puan Normah	Ha! Bil-bil ni semua...tengok ni dah dua bulan belum dibayar. Awak kata awak bekerja mana pergi semua duit gaji awak ha!
Encik Marzuki	Hei awak sendiri taukan yang saya bayar road tax dan insurance kereta. Kalau awak dah tahu kenapa awak tidak uruskan sahaja? Awak ni memang pentingkan diri sendirilah Normah!
	<b>Asmidah menutup telinganya. Dia bingit. Akhirnya dia mengambil keputusan untuk lari dari rumah. Dia memasukkan baju bajunya dan barang keperluan lain ke dalam beg lalu secara senyap keluar dari rumah.</b> <b>Menyandang beg yang berisi pakaian sambil duduk di perhentian bas. Datang seorang mak cik yang sedang mencari tin-tin kosong dalam tong sampah.</b>
Mak cik	Eh nak, ke mana anak nak pergi malam-malam buta begini? Besok tak sekolah ke?
Asmidah	Saya...saya lari dari rumah mak cik.
Mak cik	Anak lari dari rumah?! Kenapa pulak?
Asmidah	Saya bingitlah mak cik. Mak dan bapak saya asyik bertengkar saja. Kalau tak bertengkar, mereka sibuk bekerja sampaikan tidak ada masa untuk saya.
Mak cik	Ohh pasal itu rupanya... Hish tak baik tau anak buat macam ni. Nanti mak dan ayah risau. Anak jangan lupa. Mereka bekerja pun untuk membesarkan anak. Anak sepatutnya belajar rajin-rajin supaya mereka bangga dapat anak yang dengar kata ibu bapa. Tak baik buruk sangka terhadap ibu bapa...nak. Walau macam mana teruk pun mereka itu, mereka tetap ibu bapa anak dan Allah marah kalau seorang anak itu menderhaka terhadap kedua orang tuanya.
Asmidah	Habis mak cik mereka sering bertengkar.
Mak cik	Walaupun apa pun yang terjadi, anak ni tetap anak mereka. Mereka bertengkar bukan sebab anak tetapi sebab masalah lain. Kita sebagai anak hanya boleh mendoakan mereka dapat hidup aman damai



	sahaja. Sudahlah pergi balik...sebelum mereka risau. Anak mesti janji dengan mak cik, tak mau lari dari rumah lagi ya. Dah...pergi balik sana.
Asmidah	Baiklah, saya akan balik. Terima kasih atas nasihat mak cik tu.
Mak cik	Ye lah. Sudah sudah pergi balik ya nak. (Memerhatikan Asmidah beredar pergi sambil menggeleng kepala)
Selesai	

